

UNIFICATION CHURCH (PENYATUAN GEREJA)
DAN PENILAIANNYA

KHADIJAH MOHD. KHAMBALI @ HAMBALI
Fakulti Usuluddin
Akademi Islam Universiti Malaya

This article describes one of the christian's movement (church's movement), its methods and its principles: i.e: Unification Church and analysing them comparatively.

Pendahuluan

Umumnya, dunia hari ini dipenuhi pelbagai pertubuhan, pergerakan (harakah) dan jama'ah yang mempunyai matlamat-matlamat tersendiri, sama da berbentuk kebajikan, agama, sukarela dan sebagainya, seperti *Lion Club* (Kelab Lion), *Rottary Club*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Hinduism, Buddhism dan lain-lain lagi.

Selain daripada pertubuhan-pertubuhan di atas, terdapat juga pertubuhan kebajikan dan keagamaan yang telah menyimpang jauh daripada anutan agama

hingga lahir sesuatu bentuk pemikiran yang berlainan daripada yang ada pada Salaf.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh golongan Khalaf ini mendapat perhatian masyarakat Islam dan berjaya menyebarkan pemikiran Islam keseluruhan dunia Islam sejak kurun ke 4H. sampai ke hari ini dengan nama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* atau dengan nama Asya'irah atau al-Asya'riyah.¹

Ibn Khaldun menulis: Ramai pengikut Abu Hassan Assyaari mengikut jejak langkah murid-muridnya, seperti Ibn Mujahid dan lain-lain. Pemikirannya dikembangkan oleh al-Qadi Abu Bakar al-Baqillani yang mengetuai golongan itu, dan memperindahkan lagi jalannya dan mengasaskan mukadimah akaliyah yang terletak padanya dalil dan pendapat-pendapat, seperti: Mengistibatkan *Jauhani al-Fard* (atom) dan *al-Khala'* (kekosongan), 'Ard tidak berdiri pada 'Ard dan tidak kekal dua masa, dan lain-lain misal yang kesemuanya terletak dalil mereka dan menjadikan akidah ini bersama akidah keimanan yang wajib diiktikadkan. Selepas Abu Bakar al-Baqillani lahir pula Imam al-Haramain Abu Ma'ali yang merencana metod itu ke dalam kitab *al-Shamil* dan memperluaskan lagi perbincangan. Kemudian diringkaskan ke dalam kitab *Trsyad*. Beliau diangkat oleh orang ramai sebagai ketua dalam akidah mereka..... Mengikut istilah mereka metod pemikiran ini berlainan sekali dengan metod pertama lalu dinamakan 'Metod golongan Muta'khirin'. Orang yang pertama menulis mengikut metod ilmu al-Kalam dalam bab ini ialah al-Ghazali, diikuti oleh Ibn al-Khatib dan satu kumpulan yang mengikuti jejak langkah mereka dan berpegang dengan taklid mereka. Kemudian golongan Muktakhirin memasuki lebih jauh ke tengah, dengan mencampur adukkan kitab-kitab falsafah, sehingga menjadi keliru walaupun kepada mereka sendiri.²

¹Al-Maqrizi, Taqiyuddin Abi al-Abbas Ahmad bin Ali (m.845H), *Khutat al-Muqriziyah & kitab al-Muwai'z wal Iktibar Bzikri al-Khutat wal Athar* Dar Sodir, Beirut, (v.2) hal., 390.

²Ibnu Khaldun, *op.cit.*, hal., 736.

mazhab telah ditetapkan, terutama dalam fikah melahirkan mazhab fikah yang terkenal sehingga masa kini. Perubahan kepada pemikiran jelas dan banyak berlaku apabila pengetahuan falsafah selesai diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dalam kurun ke 4H. dan lahirnya tokoh-tokoh falsafah seperti Farabi (m.339H) dan Abi Sina (m.428H) yang memperkenalkan kajian falsafah dan ajaran mantik menerusi penulisannya *al-Najat*, *al-Syifa'*, pada masa itu juga lahirnya golongan Muktazilah, seperti Abu Hasyim bin Ali al-Jubaki (m.321H) dan al-Kha'bi (m.317H) yang mengebar bendera Muktazilah. Sikap ulama Muktazilah pada masa itu berubah, dari sikap bertahan kepada menyerah, ia telah diambil alih oleh golongan Khalaf, terutama setelah pengaruh Muktazilah mulai pudar. Sebab-sebab kemerusutan itu ialah : Kerana kehilangan kuasa golongan al-Dilam yang memerintah Baghdad dan kematian al-Shahabi bin Abad (m.385H) orang kuat Muktazilah dan Menteri dalam kerajaan Bani Buwiah;¹ kedua kerana pemerintah Khalifah al-Mutawakkil yang melarang perbincangan dan perdebatan agama. Baginda meminta supaya menjauhi perkara yang berlaku pada zaman al-Makmun, al-Muktasim dan al-Wasik. Baginda memerintah tokoh-tokoh hadis supaya mengeluarkan hadis dan mengangkat *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*.² Dengan itu pengajian Muktazilah bertukar tangan dan di ambil oleh golongan Syi'ah.³

Ketiga: Kerana kebangkitan Abu Hasan al-Asyaari m.330H yang mengisyiharkan diri keluar dari mazhab Muktazilah⁴ dan kembali kepada mazhab Salaf. Beliau mengemukakan keburukan dan kesesatan yang dilakukan oleh Muktazilah melalui penulisan, *Kitab al-Ibnah*, sebuah kitab yang terkenal menerangkan sikap dan pendiriannya terhadap Muktazilah. Kemudiannya Asyaari melakukan perubahan besar kepada pemikiran Islam, terutama pemikiran Sunni iaitu menetapkan peranan akal dan mengharuskan penggunaannya dalam mendirikan dalil untuk menjelaskan akidah keagamaan. Beberapa buah kitab telah ditulis untuk tujuan ini antaranya kitab *al-Luma' Fi Radi Ala Ahli Zaigh Qal Bida' dan Risalah Fi Istihsan al-Haud Fil al-Kalam*.

Perubahan yang dilakukan oleh Abu Hassan al-Asyaari diteruskan oleh pengikut-pengikutnya yang datang kemudian seperti al-Qadi Abu Bakar al-Baqillani (m.403H), Ibn Furak (m.406H), Asfarayi-ni (m.418H) Imam al-Haramain (m.478H) Ghazali (m.505H). Asas pemikiran yang dibina oleh al-Asyaari telah diperluaskan pengajaran dan penyebarannya oleh mereka itu, se-----

¹Lihat ash-Shaharastani, hal., 25 kertaskerja ini.

²Abdul Hamid, Dr. Irfan, *op.cit.*, hal. 132.

³*Ibid.*, hal. 98.

⁴Pada hari Jumaat tahun 295H.

orang tokoh ulama yang tidak mengikuti kemahuan, dan beberapa orang telah diseksa, seperti Bisyr bin al-Walid dan Ahmad bin Hambal.¹ Dalam tahun 217H. sekali lagi Ahmad bin Hambal menghadapi tindakan mengenai khalq al-Quran, dilakukan oleh al-Muktasim, menyebabkan beliau menghadapi hukuman sebat dan dipenjarakan.²

Berhubung perkembangan tersebut Ahmad Amin menulis, pada zaman Abbasiyah. Kita lihat ulama-ulama ke dunianan membanjiri istana kerajaan Islam, maka falsafah falsafah Greek diterjemahkan setiap cabangnya. Perubatan Mantik, Fizik , Kimia, Bintang dan Astronomi, dan Matematik. Lihat ilmu ketuhanan Greek juga menyusuk masuk di tengah-tengah ugama lain. Tokoh-tokoh agama membincang agama mereka dan mereka bersikap menyerang dan mempertahankan. Menyeru kepada agama mereka berpandukan akal dan mantik. Mereka memerlukan panduan akal dan mantik. Tokoh-tokoh agama itu pada zaman Abbasiyah mahukan dalil akal yang diasaskan kepada mantik Aristotle. Ekoran dari fenomena tersebut, dakwah bertukar kepada ilmu al-Kalam, tafsir al-Quran, hadis dan perundangan terpengaruh dengan pengaruh falsafah yang diterjemahkan itu.³

Suasana yang ada menolong golongan Muktazilah menegakkan ilmu al-Kalam. Manakala pada masa yang sama Ahli Sunnah menjalankan usaha mengumpul hadis-hadis, fikah, tafsir al-Quran dan lain ilmu yang bersifat ke agamaan. Al-Dhahabi menulis , dalam tahun 143H ulama Islam mula mengumpul dan menulis hadis, fikah, tafsir Ibn Jarir menulis di Mekah, Malik menulis al-Mukta' dan al-Madinah al-Auzai, (m.157 H) menulis di Sham, Ibn Abu Urubah dan Himad Bin Sulaiman dan lain-lain di Basrah, Makmar di Yaman, Sufian al-Thauri di Kufah, Ibn Ishak menulis tentang peperangan, Abu Hanifah (m.150H) menulis fikah dan qisas. Diikut pula oleh Hashim dan Ibn Lahi'ah, Ibn al-Mubarak, Abu Yusuf dan Ibn Wahab dan ramai lagi penulis di dalam berbagai bidang, termasuk bahasa Arab.⁴

Keadaan yang berlaku adalah sebelum zaman *Khalaf*, di mana asas

¹Lihat Ibnu al-Athir, Izzuddin Ash al-Hassan Ali, *al-Kamifi at-Tarikh*, Dar - Sodir, Beirut, 1965. (v. 6) hal. 423, Ibnu Kathir, Abi al-Fida' Isma'il Ibnu Umar Kathir al-Quraishi (m.774H), *al-Bidayah wa an-Nihayah Fi at-Tarikh*, Matba'ah as-Sa'adah, al-Qaherah, (v. 10) hal. , 330 - 342.

²*Ibid.*, *al-Kamil Fi at-Tarikh*, hal. 423 dan 445.

³Ahmad Amin, *Dhuha al-Islam*, Maktabah an-Nahdhah al-Misriyyah al-Qaherah 1979, (v. 2) hal., 8 - 9.

⁴*Ibid.*, (v. 2) hal., 11.

dalam pemikiran yang terdapat dalam pemikiran Arab (Islam).¹

Kalau kita menetapkan zaman Khalaf bermula dari kurun ke empat Hijrah yang menjadikan kedudukan pemikiran Islam berubah corak tetapi sebenarnya kedudukan yang seperti itu kelihatan pada kurun sebelumnya lagi.

Hal ini diperlihatkan oleh segolongan Salaf sendiri, sebagaimana di gambarkan oleh as-Shahrastani dan mereka itu (Abdullah Bin Said al-Kilabi, Abu Abbas al-Qalanisi dan al-Haris Ibn Muhasibi) termasuk dalam golongan Salaf, tetapi mereka melibatkan diri dalam ilmu al-Kalam dan menyokong akidah Salaf dengan alasan al-Kalam dan bukti-bukti usul² kerana itu Dr. Muhamad al-Bahi berkata: Dan di sini di peringkat kedua sejarah pemikiran Islam di segi ketuhanan. Semenjak kurun kedua, satu corak yang lain lahir pada jamaah Islamiah. Kelahirannya adalah akibat percampuran anasir yang mempunyai pengetahuan bukan Islam dalam perbincangan majlis ulama dan dialog Islam dengan bukan Islam.³

Walau bagaimanapun keadaannya tidak sangat berlainan. Corak yang benar berlainan berlaku ialah apabila buku-buku pengetahuan falsafah Greek diterjemahkan ke dalam bahasa Arab pada zaman pemerintah Abu Jaafar al-Mansur dan berkembang luas pada zaman al-Makmun dan al-Muktasim.

Terjemahan buku falsafah itu memberi kesan yang luas kedalam pemikiran Islam, terutama berkenaan ilmu Mantik. Perkembangan mempunyai hubungan perkembangan dengan ilmu al-Kalam. Dan meninggalkan kesan yang ketara sehingga ke zaman kini. Perkembangan ini telah dijelaskan oleh as-Shahrastani: Kemudian Sarjana-sarjana, Muktazilah, iaitu selepas (Wasil bin Ata' mengkaji kitab-kitab Ahli Falsafah di mana perkembangannya pada masa al-Makmun. Perkembangan terbaru itu mendatangkan kesan yang mendalam dalam pemikiran Islam dan pemikiran Khalaf. Golongan Salaf menyatakan bantahan terhadap arus perkembangan tersebut. Namun, usaha-usahanya tidak berhasil. Perubahan dalam masyarakat Islam menerusi kuasa politik. Ramai kalangan ulama Sunnah dipaksa mengikuti kemahuan pemerintah dan mana yang enggan menghadapi tindakan, disiksa atau dipenjara. Ibn Athir bagaimana sikap al-Makmun tentang Khalq dan tindakan terhadap ulama-ulama dalam sikap al-Makmun tentang Khalq dan tindakan terhadap ulama-ulama dalam tahun 218H al-Makmun bertindak menguji fahaman ahli fikah termasuk tujuh

¹Al-Bahi, Dr. Mohd. Al-Bahi, *Al-Jarib al-Illahi min at-Tafsir al-Islami*, Dar al-Katib al-A'rabi, al-Qaherah 1967, hal. 68.

²Ash-Shahrastani, *op.cit.*, hal. 93.

³*Ibid.*, hal. 72.

mereka menjawab Ya! Umar bertanya lagi apakah tidak Allah tahu lebih dahulu semasa ia melarang Adam dan Hawa dari memakan buah dipokok itu, tetapi diilhamkan kepada mereka supaya memakannya. Maka aku isyaratkan lagi dengan kepala, maka mereka berdua berkata Ya! Maka diperintah mereka keluar dan memerintah supaya menulis surat kepada semua gabenor-gabenor jangan mendengar ajaran kedua itu. Dan mereka berdua diam tidak memperkatakan lagi, maka tidak berapa lama, Umar jatuh sakit. Masalah tersebut timbul semula selepas itu. Akhirnya Ghailan diperintah bunuh oleh Hisham bin Abdul Malik.¹

Inilah gambaran ringkas kedudukan perkembangan pemikiran Islam pada zaman Salaf. Persoalan yang banyak ditimbulkan ialah hukum-hukum fikah. Pengajaran akidah dan usuluddin tidak keluar dari kenyataan zahir yang disebut dalam al-Quran dan hadis tanpa takwil dan diterima secara mulut dari Rasulullah hingga ke akhir zaman Salaf. Manakala pengajaran yang diluar dari kelaziman, dianggap bida`ah dan sesat. Manakala usaha untuk menulis dan memindahkan kepada generasi akan datang tidak dilakukan seperti dilakukan kepada hadis Rasulullah s.a.w. atau fikah. Sebab itu Ibn Tamiyah dalam usaha memperkenalkan akidah Salaf, terpaksa menarik perhatian pembaca fatwanya kepada catatan yang dibuat oleh golongan Khalaf, mengenai pendapat-pendapat Salaf seperti termuat dalam kitab tafsir al-Tabari dan sebagainya.² Pujiat telah diberi kepada al-Tabari, kerana memindahkan pendapat-pendapat Salaf dengan betul dan tepat, oleh Ibn Taimiyah.³

Dr. Muhamad al-Bahi mensifatkan pemikiran Islam di bidang ketuhanan dipraktiknya sebagai peringkat al-Uzlah (pengasingan diri). Kekosongan pemikiran Islam dari segi ketuhanan pada peringkat ini daripada rupa bentuk ilmu atau kerja penyelidikan, kelihatan jelas apabila segala permasalahan yang timbul zaman itu bersifat peribadi, kerana satu acara penyelidikan yang boleh digunakan untuk ilmu dan satu kaedah yang digunakan bagi menyampaikan kepada keyakinan belum ditemui.

Kerana itu Dr. Muhamad al-Bahi berkata: Itulah yang dihasilkan dari pemikiran pada peringkat ini, pembukaan jalan kepada bentuk lain yang lebih tinggi, berbentuk falsafah yang akan wujud di peringkat kedua. Kalau mengikut peringkat pertama telah berlaku tanpa wujud rupa bentuk ilmu atau falsafah

¹Ahmad Amin, *op.cit.*, hal. 285.

²Ibnu Taimiyah, *op.cit.*, (v. 4), hal. 152.

³Al-Jalind, Mohd. as-Sayyid, *op.cit.*, hal. 45.

kan cita-cita jahat untuk memesongkan pemikiran umat.

Setiap percubaan membawa masuk sesuatu yang luar dari kelaziman sudah tentu mendapat bantahan dan tekanan, serta tidak diterima oleh masyarakat, sebagaimana percubaan pertama yang dibuat oleh Makbad al-Juhani dan Ghailan al-Dimasqi. Percubaan tersebut menghadapi tindakan pemerintah dan menghadapi hukuman bunuh.

Diceritakan bahawa Umar bin Abdul Aziz mendapat tahu bahawa Ghailan dan kawannya telah memperkatakan mengenai *al-Qadar*. Beliau memanggil mereka menghadap dan bertanya, "Apakah perkara yang kamu memperkatakannya" mereka menjawab: Iaitu Firman Allah Ya Amirul Mukminin. Umar bertanya; Firman Allah yang mana? Mereka menjawab Firman Allah. Ayat 1 hingga 3 surah al-*Insan*; iaitu:

هَلْ أتَىٰ عَلَى الْإِنْسَنِ حِينَ مِنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُنْ شَيْءًا مَذْكُورًا •
إِنَّا خَلَقْنَا إِنْسَنًا مِنْ نُطْفَةٍ فَجَعَلْنَاهُ
سَمِيعًا بَصِيرًا • إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِنَّمَا شَرَابُ
وَالْأَكْرَابِ • وَمَا كَفُورًا •

Kemudian mereka diam, Umar memerintah: "Bacalah lagi". Mereka membaca hingga sampai ayat 29 surah tersebut:

“ اَنْ هَذِهِ تَذكرةٌ فِي شَاءَ اخْتَدِ الِّى رَبِّ سَبِيلًا ، وَمَا شَاءُونَ اَلَا
ان يَشْئَءُ اللَّهُ ”

Umar berkata: "Bagaimana pendapat kamu kedua?" Kamu mengambil *furu'* dan meninggalkan *usul*. Ibn Mahajir berkata: "Kemudian Umar mendapat tahu bahawa mereka berdua telah bergiat luas. Umar memanggil mereka dengan marahnya, Umar berdiri dan aku disbelah belakangnya sehingga apabila mereka berdua masuk dan aku menghadap muka ke arah mereka. Maka Umar bertanya: Tidakkah Allah tahu lebih dahulu semasa ia memerintah iblis sujud bahawa ia tidak akan sujud. Berkata Ibn Mahajir: Aku memberi isyarat kepada mereka supaya mereka berkata Ya! Kalau tidak, akibatnya disebelih. Lalu

tekanan yang hebat ke atasnya, terutama dari pihak ahli hadis. Mereka berpendapat bahawa ilmu al-Kalam suatu bida'ah yang amat merbahaya, perlu dicegah daripada merebak dan ditentang habis-habisan.

Mereka berpendapat bahawa al-Quran dan al-Hadis padat dengan kenyataan dan alasan untuk dijadikan bukti dalam menerangkan pengajaran akidah, tidak lagi perlu kepada dalil akal atau menggunakan metodologi falsafah.

Para sahabat dan tabii menutup rapat pintu takwil dalam soal ketuhanan. Tafsiran yang membawa kekeliruan dan salah faham tidak mendapat tempat disisi mereka. Perbincangan tanpa hasil amali dan pertikaian mengenai pokok agama dicegah dan dibantah dengan sekeras-kerasnya. Hadis-hadis sahih dari riwayat *thiqah* menjadi pegangan mereka di samping al-Quran. Soalan yang berbentuk bagaimana dan kenapa adalah perkara-perkara yang dijauhi dan dianggap suatu bidaah.¹

Para sahabat dan tabii menjadi ikutan Salaf. Kesetiaannya kepada mereka tidak berbelah bagi untuk menegakkan *al-sunnah* dan mempertahankan pendapat ahlinya menjadi tanggungjawab mereka bersama. Menolak (setiap alasan atau hujjah yang bercanggah dengan pendapat ahli - sunnah) dan menerangkan kepalsuan hujah-hujah yang bercanggah itu tugas utama mereka. Imam Ahmad bin Hambal berkata: Dasar Ahli Sunnah yang kami pegang ialah berpegang teguh kepada apa yang dibawa oleh para sahabat.²

Imam Shafie juga berkata: Pandangan saya terhadap *al-Mutakallimin* hendaklah dibelasah dengan pelepah tamar dan dilontar dengan kasut, kemudian diarak ke keliling tempat suku kaum mereka, supaya mereka berkata kepadanya inilah balasan orang yang meninggalkan kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w., kerana menceburkan diri ke dalam ilmu al-Kalam. Manakala Imam Abu Yusof dan Imam Ahmad bin Hambal berpendapat bahawa ulama-ulama ilmu al-Kalam adalah golongan zindik. Imam al-Auzai (m.157H) berkata: Telah sampai kepada ku, sesungguhnya apabila Allah menghendakkan satu-satu kaum itu supaya mendapat kejahanatan, Allah memaksa mereka membanyakkan pertikian dan mengurangkan amalan.³

Ketegasan mereka dalam menolak ilmu al-Kalam, menutup jalan di hadapan musuh dalam pemikiran Islam dan menghalang mereka dari menerus-

¹Abdul Hamid, Dr. Irfan, *op.cit.*, hal. 126.

²Ibnu Taimiyyah, *op.cit.*, (v.4), hal. 155.

³*Ibid*, hal. 128.

yang boleh dipertikaikan atau menimbulkan perselisihan sebagaimana yang berlaku kepada pengajian fikah.

Ilmu Kalam yang memperkatakan tentang ketuhanan, mempergunakan alasan dan bukti berdasarkan pemikiran rasional atau berdasarkan metodologi falsafah dan mantik. Kerana itu, ramai sarjana Islam memberi takrif tentang ilmu al-Kalam dengan mengikatnya kepada dalil akli atau bukti yang nyata. Penggunaan akal sebagai sumber berfikir atau penggunaan kaedah berfikir dalam menegakkan bukti kepada sesuatu pendapat dalam perbincangan akidah.¹

Ilmu Kalam diistilahkan kepada kajian ketuhanan, kerana Kalam Allah adalah suatu persoalan pokok di antara ahli-ahli Falsafah dan sarjana Islam kerana Mantik dan Kalam adalah satu pengertian² atau kerana *al-Mutaklimun* terus bercakap tanpa menghiraukan bantahan Salaf terhadapnya.³

Hampir ke seluruhan penulis sejarah *al-Firaqul Islamiyah* sepakat memperkatakan bahawa Muktazilah sahaja yang memainkan peranan menghidup dan menyebarkan ilmu al-Kalam pada peringkat permulaan. Walaupun sebelum Muktazilah persoalan akidah telah diperkatakan oleh Makbad al-Juhani (m.80H) Ghailan al-Dimasqi (m.105H) dan al-Jahmi (m.128H) tetapi gerakan mereka tidak melahirkan mazhab yang tersendiri kerana mereka terpaksa menghadap masalah politik pemerintah di masa itu sebagaimana Ghailan al-Damasqi dipanggil oleh Khalif dan Juhani telah dibunuh di atas sebab politik.⁴

Walau bagaimanapun benih yang ditanam oleh mereka dihidupkan oleh Wasal bin Ata' (m.131H) Amru bin Abid (m.144H) yang telah mengasaskan mazhab Muktazilah dan memperluaskan teori Ilmu al-Kalam dengan mempergunakan akal seluas-luas, dan falsafah Greek segera diterjemahkan dan dimanfaatkan ke dalam kajian akidah oleh pengikutnya seperti Abu Huzail (m.235H) Nazzam (m.231H) al-Jahiz (m.255H) sebab itulah Ilmu al-Kalam dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Muktazilah.⁵

Dalam pada itu kelahiran ilmu al-Kalam tidak mendapat sokongan para Salaf, malah mereka membuat bantahan sekeras-kerasnya dan mengenakan

¹Lihat Ash-Shahrastani, *op.cit.*, hal. 123.

²Lihat ash-Shahrastani, *op.cit.*, hal. 29.

³Lihat Abdul Hamid, *op.cit.*, hal. 123.

⁴Ahmad Amin, *op.cit.*, al-Qaherah, 1955, hal. 140 - 192.

⁵*Ibid*, hal. 229.

perpecahan yang sangat hebat, serangan musuh yang bertalu-talu dari luar dan dari dalam, pemikiran Islam terdedah kepada serangan yang tidak berhenti dari kurun ke3H.¹ Perubahan zaman ini mungkin suatu faktur yang membuatkan perbezaan di antara dua generasi itu.

Dari keterangan-keterangan di atas dapat dibuat suatu pengertian bahawa Khalaf ialah para ulama Ahli Sunnah Mutakhirin yang hidup selepas Asyaari, mempunyai sikap dan pandangan tersendiri, terdiri dari pendokong akidah, tafsir, hadis dan lain-lain yang telah mengubah corak dalam pemikiran Islam. Sebahagian daripada mereka dikenali dengan al-Asyaari atau al-Asyairah.

II. PEMIKIRAN ISLAM PADA ZAMAN SALAF DAN KHALAF

Zaman Salaf

Islam yang diturunkan oleh Allah kepada manusia menerusi Rasulullah adalah suatu kepercayaan dan perundangan yang lengkap dan sesuai pula untuk diamalkan, tanpa mengira masa dan tempat. Dua cabang ilmu disyariatkan untuk manusia menjalani kehidupan mereka. Pertama ilmu bercorak amalan zahir, kedua ilmu yang bercorak kepercayaan dan keyakinan batin. Ajarannya terkandung dalam dua rujukan, al-Quran dan Sunnah. Kedua-dua rujukan ini menjadi pegangan umat bagi menjalani kehidupan mereka sehari-hari. Darinya mereka menyambung bidang pemikiran mereka.

Sepanjang kurun pertama hingga ketiga Hijrah, tumpuan hanya untuk menghidupkan dan memperluaskan pengajian al-Quran dan mentafsirkan ayat-ayatnya. Begitu juga dengan hadis, ramai sahabat menjadi perawi hadis dan pakar rujuk kepada masyarakat semasa. Pengeluaran hukum daripada al-Quran dan hadis menjadi amalan biasa. Dengan itu pengajian fikah dan hukum far'a'i diperkembangkan seluas-luasnya, sehingga keperingkat rendah. Mujtahid bertaburan di sana sini, meninggalkan kesan nyata kepada umat Islam sehingga ke hari ini. Tempat-tempat seperti Tanah Suci Mekah, Madinah, Basrah dan Kufah serta lain-lain menjadi tumpuan penuntut ilmu dari pelusuk dunia. Dari sana pula pemikiran Islam disalurkan ke seluruh dunia.²

Boleh dikatakan pemikiran Islam pada masa ini tertumpu sepenuhnya kepada bidang agama, termasuk bidang Usuluddin, sehingga timbul ilmu al-Kalam yang menggantikan nama Usuluddin. Sarjana yang memperkatakan ilmu itu dikenali sebagai *al-Mutakallimun*. Pengajian tidak menimbulkan masalah

¹ Al-Jalind Mohd. as-Sayyid. *Op.cit.*, hal. 52.

² Ahmad Amin *Fajr al-Islam*, Maktabah an-Nahdhah al-Misriyyah, al-Qaherah 1955, hal. 140 - 192.

berfikir atau kerana usaha mereka melepaskan diri dari ikatan yang dikenakan oleh Salaf sebelum mereka. Dengan ini dapat difahamkan bahawa Khalaf itu menunjukkan kepada suatu golongan ulama yang telah membawa suatu bentuk pemikiran yang tidak ada dalam pemikiran Islam sebelumnya. Golongan ini diterima oleh masyarakat seperti dilakukan ke atas mereka yang sebelumnya dan telah mengambil tempat yang dahulu diduduki oleh orang yang terdahulu daripada mereka. Kedudukan ini telah dijelaskan oleh Ibn al-Jauzi: Bahawa ulama Salaf dapat mengenal pasti hadis sahih dan yang tidak sahih. Mereka dapat mengeluarkan hukum daripadanya dan menimba ilmu yang terkandung di dalamnya.¹ Kemudian kajian dibuat pula oleh orang datang selepas mereka dengan menerokai (meniru gaya dan cara) yang dibawa oleh mereka yang terdahulu dengan membuat tambahan apa yang dianggap perlu.

Begitulah halnya telah berlalu sehingga perkara itu disambut oleh para Khalaf yang tidak lagi dapat membezakan antara sahih dan yang tidak sahih, tidak lagi mengenal yang jelas dan yang tidak jelas dan tidak lagi menghasil suatu dari pokok pangkalnya. Sama sahaja antara ahli fikah Khalaf yang sedikit sekali mengkaji tentang hadis yang diriwayatkan, dan golongan sufi yang mempertahankan pendapat kerana terdapat satu hadis yang tidak tahu penulisnya, tuan guru - tuan guru yang mengajar orang awam meriwayatkan apa sahaja hadis walaupun hadis itu mungkar, sehingga menyebabkan orang awam yang keluar daripad tempat pengajian mereka menyebar perkara kebatilan, kalaupun seseorang ulama membantahnya, mereka mesti menjawab sesungguhnya kami dengannya menerusi riwayat *akhbarana* atau *haddasana* (telah dikhabar kepada kami atau diriwayatkan kepada kami).

Inilah kedudukan Khalaf dan peranan yang dimainkan dalam masyarakat Islam pada masa ini. Mereka tidak syak lagi menjadi penyambung ilmu dan menyebar pemikiran Islam sehingga ke zaman kita. Sebenarnya tokoh-tokoh Khalaf adalah tokoh ulama yang hidup selepas kurun 3H. terdiri dari para penyelidik dan pengarang. Kitab dan karya mereka memenuhi perpustakaan Islam di dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan.

Mereka dapat mengubah suasana alam pemikiran Islam dari bentuk yang tertutup kepada bentuk terbuka dan dapat menyahut cabaran zaman, dengan dada yang terbuka seperti Imam al-Ghazali (m.505H.) dan Imam al-Fakh al-Razi (m.606H.) dan lain-lain lagi telah berusaha memperluaskan pengajaran dan pendapat-pendapat yang bercorak baru, sehingga terkenal aliran *Ahl al-Sunnah Wal al-Jamaah* dengan gelaran al-Asyaari atau al-Asyairah. Pendapat-pendapat mereka dikatakan pendapat Khalaf. Sesungguhnya tidak boleh dinafikan bahawa pada zaman Khalaf, umat Islam menghadapi gelora.

¹Ibnu al-Juzi, Abi al-faraj Abdul Rahman bin Ali (M.598H.): *Kitab al-Maudhu'* Tahqiq A.M. Osman, Maktabah as-Salafiyyah al-Madinah al-Munawwarah, v. 21 hal. 31 - 32.

penggantinya.¹

Walaupun begitu, halnya sama dengan perkataan Salaf, tidak ramai ulama yang memberi pengertiannya. Untuk menentukan siapa sebenarnya Khalaf, tentulah berkehendakkan suatu penyelidikan dan menganalisa saran-saran yang dikeluarkan oleh para sarjana Islam.

Ibn Timiyah, salah seorang tokoh ulama Islam, membuat banyak kecaman terhadap Khalaf dan memberi pengertian bahawa mereka terdiri dari Ahli Kalam, tanpa menentukan aliran (mazhab) mereka. Kalam yang dikenali dengan Khalaf ini telah melepaskan diri dari bawaan Salaf dan terpengaruh dengan metodologi falsafah dan mantik. Dalam menjelaskan perbezaan antara dua generasi ini, Ibn Taimiyah berkata, khususnya jika dimaksudkan dengan Khalaf, ialah satu jenis kalam yang terdapat keraguan mereka dalam bab agama banyak sekali, dan tabir yang menyekat mikat pandangan mereka untuk mengetahui Allah begitu tebal. Lebih-lebih lagi dengan golongan yang mendewadewakan pendapat Khalaf dan membela kangkan Salaf. Anggapan mereka bahawa Salaf hanya beriman dengan lafaz al-Quran dan Hadis tanpa memahami isinya. Sebaliknya Khalaf dapat menggali rahsia yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran dan Hadis serta dapat membuka kata-kata kiasan dan menghurai-kan kesulitan bahasa.²

Khalaf boleh dimaksudkan dengan golongan pendokong Sunnah sebagai pengganti Salaf. Ini dapat diyakinkan dari penafian Ibn Taimiyah kewujudan Salaf bagi Ahli Bida'. Kerana semua sahabat atau sebahagian daripadanya dikafirkan oleh golongan itu atau sekurang-kurangnya mereka mengatakan para sahabat atau tabii fasiq. Penafian itu dengan sendiri menafikan wujudnya Khalaf bagi golongan bidaah.³

Selain daripada itu dakwaan Khalaf, mereka adalah pendokong Sunnah⁴ boleh dijadikan alasan bahawa mereka terdiri dari rumpunan Ahli Sunnah dan tidak dapat disamakan kedudukan mereka dengan kedudukan Ahli Bida' yang mendokong bidaah seperti *Jahmiyyah al-Karamiah* dan *al-Rafidah* sekalipun perbezaan wujud di antara dua generasi ini dalam aprroch dan metod

¹Ibnu Mandhur; Muhammad bin Mukrim; *Lisan al-A'rab*, Dar Sodir, Beirut, 1956 (v.36) hal. 84.

²Ibnu Taimiyah, Taqiyuddin Ahmad bin Abdul Halim bin Abdus Salam (w 728H); *Majmu' al-Fatawa*, tartib A.A. Mohamed, Dar al-A'rabiyyah - Beirut 1398H (v.5) hal. 9 - 10.

³*Ibid*, (v. 4) hal. 152 - 154).

⁴*Ibid*, (v.5) hal. 33 dan 54.

tokoh Salaf. Mereka terdiri dari tokoh ulama yang hidup dalam lingkungan kurun Hijrah pertama, kedua dan ketiga dan pendapat mereka tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah. Jika pendapatnya bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah tidak dapat dipanggil sebagai Salaf atau Salafi, sekalipun hidupnya di tengah-tengah kalangan para sahabat dan tabii.¹ Pendapat ini menyokong pendapat Ibn Taimiyah yang mencangkupi pengertian Salaf bermula dari para sahabat, tabii dan pengikut tabii yang menghasilkan pendapat berhubung dengan keimanan.² Pendapat al-Shihristani membataskan masa hidup mereka ke zaman al-Haris Bin Asad al-Muhasbi, yang hidup pada permulaan kurun ke 3H. dan kedatangan Asya'ari yang bangkit menentang Muktazilah menjadikan suasana pemikiran Islam memasuki era baru kerana kedatangan Asya'ari melahirkan suatu aliran baru, dikenali dengan Asairah atau Asya`ariah.³

Di dalam penjelasan mengenai Ilmu Kalam, Ibn Khaldun menyamakan kedudukan Salaf dengan Ahl al-Sunnah, beliau berpendapat bahawa tujuan Ilmu Kalam untuk menolak pendapat *Ahlil-Bida'* yang menyeleweng di segi akidah terkeluar daripada mazhab Salaf dan Ahli Sunnah.⁴

Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan dapatlah difaham bahawa sebutan Salaf kepada tokoh-tokoh Islam yang dikenali dengan mazhab ahli Sunnah, mempunyai pendirian tertentu di segi akidah yang hidup sebelum Asya'ari.

Pengertian Khalaf Secara Khusus

Khalaf suatu perkataan yang selalu disebut, memberi pengertian kepada golongan kedua atau golongan yang hidup selepas pemergian Salaf. Mengikut pengertian ahli bahasa, Khalaf ertinya pengganti, sama ada pengganti itu anak keluarga atau generasi yang menduduki tempat generasi yang silam sebagai

¹al-Jalind, Mohammad as-Sayyid, *al-Imam Ibnu Taimiyah wa Manqihuhi Min Qadhiyyah at-Takwil*, al-Haiah al-A'mmah bi shu'uni al-Matabi' al-Aminiyah, al-Qaherah 1973H. hal. 51 - 52.

²Al-A'jmi Abu al-Yazid Abu Zaid, *Ihtimam ulama al-Muslimin bi Aqedah al-Salaf*, Majallah al-Buhuth al-Islamiyah, bil. 15, Dis, Mac, (1985 - 1986).

³Ash-Shihristani, Abu al-Fath Muhd. Abdul Karim (M.548H.) *op.cit.*

⁴Ibnu Khaldun, Abdul Rahman bin Khaldun (M.1406M.): *Muqaddimah Ibnu Khaldun*, Maktabah al-Madrasah - Beirut 1961.

tergolong dalam golongan Salaf.¹

Orang-orang yang diketengahkan oleh al-Shihristani itu terdiri dari Ahli al-Sunnah, walaupun dalam masalah fikah mereka dikatakan berlainan pendapat dan melahirkan mazhab yang berlainan, dengan menjadikan al-Salaf juga dikenali dengan Ahl al-Sunnah yang menjadi tindakan dan pencabar kepada Muktazilah terus berlaku dari semasa ke semasa dalam persoalan sifat-sifat Allah.² Manakala Imam al-Asya'ri mensifatkan sahabat Nabi s.a.w sebagai Salaf. Mereka dipilih oleh Allah untuk menyertai dan menyokong Nabi s.a.w.³ Sebaliknya Ibn al-Shalah dalam kecamannya terhadap pengajian Falsafah dan Mantik, telah mengasingkan sebutan Salaf dari para sahabat, tabiin dan imam-imam Majtahid, di samping itu al-Subki pula berpendapat bahawa Salaf adalah terdiri dari tokoh-tokoh Islam yang dijadikan tempat rujukan oleh para Mujtahid⁴ seperti Imam al-Syafie, Malik, Ahmad, al-Bhunari dan lain-lain.⁵

Dari apa yang disarankan oleh tokoh Islam itu, tidak dapat suatu ketentuan tentang pengertian Salaf, sebab itulah Mohamad al-Sayed al-Julainad dalam menetapkan pendirian Salaf berhubung dengan masalah takwil, tidak dapat menyingkatkan kata, malah beliau memberikan gambaran yang terikat dengan faktor masa dan kedudukan pendapat. Pengertian mengenai Salaf menjadi sebutan yang biasa, diutarakan oleh para ulama Mutakhiran, ulama al-Kalam dan tafsir. Sebutan itu disandarkan kepada para Imam mereka mengikut mazhab yang mereka anuti dengan memaksa orang lain mengikut Imam itu dalam setiap pendapat dan akidah yang dianuti. Dengan itu Salaf golongan al-Sya'ri lain dari Salaf golongan Muktazilah. Begitu juga bagi golongan al-Syiah, sehingga perkataan Salaf digunakan sampai kurun ke 7H., dan setiap aliran mendakwa bahawa pendapat Salafnya istimewa dari golongan lain.

Oleh itu peringkat masa dan aliran pemikiran perlu bagi menentukan

¹ Al-Shahrastani, Abu al-Fath Mohd. Abdul Karim: *Al-Milal wa al-Nihal*. Tahqiq A.M. Wakil Muassasah al-Halabi al-qahirah, J.I., hal. 93.

² Ibid, hal. 30.

³ Al-Asya'ri, Ibi al-Hassan Ali bin Ismail (M.330H.); *Maqolat al-Islamiyyah Wa-Ikhtilaf al-Musollin*, tahqiq M.M. A. Hamid, Maktabah an-Nahdhah al-Misriyyah, al-Qaherah 1969, (v.1) hal. 348.

⁴ An-Nashar, Dr. Ali Sami; *Manahij al-Bahthu I'nda Mupakkini al-Islam, wa iktishaf al-Manhaj al-ilmi fil Allam al-Islami*, Dar-al-Ma'rif, al-Qaherah 1966M, hal. 86.

⁵ As-Subki, Taj ad-Din Nasr Abdul Wahab Ibnu Taqiyuddin (m.771H), *Tabaqat as-Shafiyyah al-Kubra*, al-Matba'ah al-Hiniyyah al-Misriyyah (v. 1) hal., 66.

dakwah sanggup turut lenyap bersama Islam jika berlaku demikian.

I. PENGERTIAN SALAF DAN KHALAF

Tidak ada satu pengertian yang konkret dijumpai setakat ini berhubung dengan Salaf dan Khalaf untuk dijadikan asas perbincangan bagi suatu perbandingan dalam corak, prinsip atau metod pemikiran.

Perkataan Salaf dan Khalaf sangat baru, termuat dalam kitab-kitab yang berhubung dengan perbincangan akidah, seperti kitab *Sharh al-Aqidah al-Tahawiyyah*, karangan Imam al-Tahawi Abu Ja'afar Ahmad Bin Muhammad Bin Salamah al-Azdi Thahawi, (m.321H). Selain daripada kitab-kitab Ibn Taimiah, Syaikh al-Islam al-Abbas Taqyuddin Abu al-Abbas Bin Abdul Halim Ibn Taiwiah al-Harrani (m.727H) seperti kitab fatwanya yang memuatkan perkataan Salaf dan Khalaf dalam usahanya untuk mengembalikan akidah Salaf ke dalam arena pemikiran Islam, tanpa menentukan suatu pengertian yang jelas. Begitu juga perkataan Salaf dan Khalaf telah digunakan dalam perbandingan di antara golongan. Kadang-kadang menjadi gambaran dua generasi yang hidup dalam dua masa yang berbeza, dan kadang kala disifatkan sebagai dua mazhab (aliran) yang berlainan.

Pengertian yang dapat difahamkan dari sebutan biasa, yang diutarakan oleh ahli fikir dan penulis Islam, membayangkan bahawa dua generasi ulama yang mempunyai corak pemikiran yang berbeza, terutama dalam persoalan akidah dan tafsir al-Quran, mereka dianggap dari satu rumpunan mazhab.

Pengertian Salaf Secara Khusus

Walaupun tidak terdapat suatu pengertian yang konkret tetapi ramai di kalangan penulis Islam membayangkan sifat-sifat atau ciri-ciri yang boleh dijadikan panduan untuk mengenali Salaf dan Khalaf.

Al-Zuhaidi dalam kamusnya menyarankan bahawa Salaf ialah golongan *tabi'i* pertama.¹ Pendapat beliau disokong oleh Ibn Mandhsur.

Al-Shihristani mengemukakan beberapa tokoh Salaf sebagai contoh mengenai sikap dan pendirian mereka dalam masalah-masalah tertentu memberikan contoh-contoh seperti Malik Bin Anas, Ahmad Bin Hanbal, Sufian al Thuri dan Daud Bin Ali al-Asfahani, membuka jalan kepada takwil dan tidak mahu menerima tasybih. Keadaan ini berjalan sehingga ke zaman Abdullah Bin Said al-Kilabi, Ibn al-Abbas al-Qalanisi dan Haris bin Asad al-Muhasibi. Mereka ini

¹Al-Zabidi, Murtad (1732 - 1790) : *Taj al A'rus*, Dar - Libya, Banghazi, Tahun 1966, J.I, hal.146.